

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**
- TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**
- SOALAN : Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan berapakah jumlah
subsidi beras yang dibayarkan kepada BERNAS
dalam tahun 2013 dan 2014. Apakah sebabnya
sungguhpun dengan subsidi tersebut dan harga
antarabangsa beras dalam lingkungan RM1.40
sekilo dalam tahun 2014, harga beras subsidi
yang dijual di Malaysia masih RM1.80 sekilo.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,
Jumlah peruntukan yang telah dibayar kepada BERNAS sebagai agen pelaksana Program Subsidi Harga Beras bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)
2013	528
2014	494.72

Program Subsidi Harga Beras yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008 adalah bertujuan bagi mengeluarkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional yang dijual dalam kampak 10 kilogram (Kg) pada

harga yang dikawal iaitu di antara RM16.50 hingga RM18.00 mengikut zon bagi keperluan harian rakyat di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bekalan beras dalam negara disumbangkan daripada dua sumber iaitu beras tempatan dan beras import. Pengeluaran beras tempatan menyumbang 70% daripada keseluruhan keperluan penggunaan beras dalam negara dan selebihnya adalah beras import.

Sungguhpun purata harga beras dunia pada tahun 2014 disekitar RM1,400 per metrik tan, Kerajaan perlu mengawal dan menetapkan harga beras tempatan agar ianya stabil dan memberi pulangan yang berpatutan kepada para petani. Secara dasarnya, Kerajaan menetapkan bahawa harga beras import tidak boleh dijual dengan lebih rendah daripada harga beras tempatan. Ketetapan ini merupakan usaha Kerajaan untuk memastikan pasaran bagi bekalan beras tempatan sentiasa diutamakan.

Sehubungan itu, harga jualan runcit beras tempatan telah ditetapkan seperti berikut, manakala tiada kawalan dikenakan ke atas harga jualan beras runcit import.

- i. Super Spesial Tempatan 5%, harga maksimum RM26.00 bagi setiap beg 10kg;
- ii. Super Spesial Tempatan 10%, harga maksimum RM24.00 bagi setiap beg 10kg; dan
- iii. Super Tempatan 15%, dijual pada harga di antara RM16.50 hingga RM18.00 mengikut zon, bagi setiap beg 10kg.

Sekian, terima kasih.